


IQOS


Panduan Pengguna

IQOS ORIGINALS DUO™

IQOS ORIGINALS DUO™ Pocket Charger*




IQOS ORIGINALS DUO™ Holder*




* IQOS ORIGINALS DUO™ serasi dengan IQOS 3 dan IQOS 3 DUO.

* IQOS ORIGINALS DUO™ hanya serasi dengan batang tembakau.

Mengecas dan Membersih



Kabel Pengecas



Penyesuai Kuasa



*Dual
Cleaning Tool*



Batang
Pembersih



Untuk **panduan penuh pengguna, Khidmat Pelanggan dan Perkhidmatan sokongan yang diperluas untuk pengguna IQOS**, lawati

www.iqos.com/myiqos


CIRI-CIRI DAN TETAPAN

Peribadikan pengalaman IQOS anda dengan aplikasi IQOS*.

Sila akses dengan mengimbas kod QR atau log masuk di **www.iqos.com/originals** dan ikut arahan.


* Aplikasi IQOS mungkin tidak tersedia di negara anda.

Untuk Memulakan



MENGAKTIFKAN

Tekan dan tahan Butang *Pocket Charger* IQOS ORIGINALS DUO™ selama 4 saat kemudian lepaskan; Lampu Status *Holder* dan Lampu Status *Pocket Charger* akan menyala dengan perlahan-lahan.




MENGECAS HOLDER

Masukkan Holder IQOS ORIGINALS DUO™ ke dalam IQOS ORIGINALS DUO™ *Pocket Charger*, dan tutup pintu untuk mengecaskan.

Lampu Status *Holder* akan menunjukkan status pengecasan *Holder*.


Semak Status Holder



SEMAK STATUS HOLDER

Tekan dan lepaskan Butang Holder untuk menyemak status.


Lampu Holder menunjukkan status bateri Holder IQOS ORIGINALS DUO™.



SEMAK STATUS HOLDER PADA IQOS ORIGINALS DUO™ POCKET CHARGER

Tekan & lepaskan Butang Pocket Charger untuk memeriksa tahap bateri Holder IQOS ORIGINALS DUO™.

Cara Menggunakan IQOS ORIGINAL DUO™



1. MASUKKAN BATANG TEMBAKAU


Masukkan dan tekan perlahan-lahan batang tembakau ke garis pada penapis dengan penapis menghadap ke luar.



2. MULAKAN MEMANAS

Tekan Butang Holder sehingga Holder IQOS ORIGINALS DUO™ bergetar dan cahaya berkelip putih.

Cara Menggunakan IQOS ORIGINAL DUO™




3. MULA MENGGUNAKAN

Mula menggunakan apabila *Holder IQOS ORIGINALS DUO™* bergetar dua kali.



4. HAMPIR TAMAT



Untuk menandakan 30 saat terakhir atau 2 sedutan terakhir, *Holder IQOS ORIGINALS DUO™* akan bergetar sebanyak dua kali dan Lampu akan berkelip putih.



5. KELUARKAN BATANG TEBAKAU

Slide *Cap* ke atas dan kemudian keluarkan batang tembakau.



Cara Membersih



1. KEPALA BERPUTAR

Apabila peranti sejuk, leretkan Cap ke atas dan tanggalkan terus.


Masukkan Kepala Berputar Dual Cleaning Tool dan **putar** perlahan-lahan.



2. PEMBERSIH SAPU

Masukkan Dual Cleaning Tool dan gerakkan dengan perlahan dari **kiri ke kanan**.


Bersihkan setiap hari untuk pengalaman optimal.



GUNAKAN BATANG PEMBERSIH

Masukkan Batang Pembersih dan lap bahagian dalam Holder. Jangan sentuh bilah dengan *Cleaning Stick*.


Tip Pantas



MENYEMAK STATUS *POCKET CHARGER*

Tekan & lepaskan Butang *Pocket Charger* untuk memeriksa tahap bateri.


Lampu akan menyala untuk menunjukkan status bateri.



UNTUK SET SEMULA


Tekan Butang *Pocket Charger* sehingga lampu padam, kemudian lepaskan.

Semua Lampu Status akan PADAM, berkelip sebanyak dua kali, kemudian semakin terang untuk mengesahkan SET SEMULA.



LAMPU BERKELIP PUTIH SEBANYAK DUA KALI

IQOS berada di luar suhu operasi ($0^{\circ}\text{C}/40^{\circ}\text{C}$) atau *Holder* perlu dimasukkan ke dalam *Pocket Charger* dengan pintunya ditutup rapat sehingga ia dicas sepenuhnya.



LAMPU BERKELIP MERAH

Set semula IQOS ORIGINALS DUO™.

Sekiranya lampu merah terus berkelip, hubungi Khidmat Pelanggan.

IQOS



Ini adalah simbol amaran keselamatan. Ia digunakan untuk memaklumkan tentang potensi bahaya kecederaan fizikal.

BAHASA MALAYSIA

PERINGATAN DAN ARAHAN KESELAMATAN

SILA BACA SEMUA PERINGATAN DAN ARAHAN KESELAMATAN SEBELUM MENGGUNAKANNYA UNTUK MENGELAKKAN DARIPADA KECEDEeraan.

Peringatan dan Arahan Keselamatan yang terkandung dalam panduan ini tidak meliputi semua keadaan dan situasi yang mungkin berlaku, dan pengguna harus berwaspada.

SIMPAN PERINGATAN DAN ARAHAN KESELAMATAN INI UNTUK RUJUKAN MASA HADAPAN KERANA IA MENGANDUNGI BEBERAPA MAKLUMAT PENTING.

Pengguna yang dimaksudkan

- *IQOS ORIGINALS DUO™ dan batang tembakau adalah untuk penggunaan orang dewasa sahaja.*
- *IQOS ORIGINALS DUO™ dan batang tembakau adalah untuk penggunaan orang dewasa yang sekarang adalah perokok dan akan terus merokok.*
- *Kanak-kanak dan remaja tidak seharusnya menggunakan IQOS ORIGINALS DUO™ atau batang tembakau dalam sebarang keadaan.*
- *IQOS ORIGINALS DUO™ atau batang tembakau tidak seharusnya digunakan oleh individu yang mengalami kekurangan dari segi fizikal, deria atau minda atau kurang berpengalaman dan berpengetahuan, kecuali mereka telah diberikan latihan atau arahan mengenai cara menggunakan produk dengan selamat serta memahami bahaya yang mungkin terlibat semasa menggunakannya.*

Tembakau dan Nikotina

- *Batang tembakau mengandungi nikotina, dan menyebabkan ketagihan.*
- *IQOS ORIGINALS DUO™ dan batang tembakau bukan produk bebas risiko. Cara terbaik untuk mengurangkan risiko kesihatan yang berkaitan tembakau adalah dengan menghentikan terus penggunaan tembakau dan nikotina.*
- *Ada pengguna IQOS ORIGINALS DUO™ dan batang tembakau melaporkan kesan sampingan seperti sakit perut, sakit dada, rasa tercekik, batuk, susah untuk bernafas, pening kepala, kekeringan mulut, tekak kering, penyakit gusi, sakit kepala, kurang sihat, hidung tersumbat, loya, perit bahagian mulut, berdebar-debar, tekak perit dan muntah-muntah.*
- *Produk mengandungi nikotina tidak sepatutnya digunakan oleh individu yang menghidapi atau mempunyai risiko sakit jantung, yang menghidap diabetes, yang epileptik, atau yang mengalami sawan.*

- Produk yang mengandungi nikotina tidak sepatutnya digunakan semasa sedang hamil atau menyusu bayi. Jika anda hamil, menyusu bayi, atau fikir anda mungkin hamil, anda harus berhenti menggunakan tembakau dan nikotina sama sekali.
- Berhenti merokok atau berubah kepada IQOS ORIGINALS DUO™ dan batang tembakau atau produk mengandungi nikotina yang lain mungkin memerlukan perubahan pada dos sesetengah ubat (seperti theophylline, clozapine, ropinirole).
- Jika anda mempunyai sebarang soalan tentang menggunakan IQOS ORIGINALS DUO™ dan batang tembakau dengan keadaan kesihatan anda sekarang, sila dapatkan konsultasi daripada pakar kesihatan anda.

▲ MAKLUMAT KESELAMATAN PENTING

▲ AMARAN Bahaya Tercekik, Penelanan dan Pengendalian


- Jauhkan IQOS ORIGINALS DUO™ dan batang tembakau dari kanak-kanak.
- BAHAYA TERCEKIK - IQOS Originals DUO™, aksesori dan batang tembakau mengandungi bahagian-bahagian kecil.
- BAHAYA PENELANAN — Jika tertelan batang tembakau, dapatkan bantuan perubatan dengan segera disebabkan risiko keracunan nikotina.

▲ AMARAN Bahaya Elektronik dan Bateri

Risiko Elektrik

Kegagalan untuk mematuhi Peringatan dan Arahan Keselamatan ini boleh menyebabkan kebakaran, letupan, renjatan elektrik, kecederaan, atau kerosakan pada produk atau harta lain:

- IQOS ORIGINALS DUO™ hanya patut digunakan oleh Pengguna yang tertentu sahaja.
- Hanya cas IQOS ORIGINALS DUO™ Pocket Charger anda dengan menggunakan model Penyesuai Kuasa IQOS ORIGINALS DUO™ yang dibekalkan di dalam kotak atau yang didapati daripada kedai IQOS™ di tempat anda atau di dalam talian untuk tujuan mengecas. Lihat bahagian Data Teknikal di dalam Panduan Pengguna ini untuk mendapatkan model Penyesuai Kuasa IQOS ORIGINALS DUO™ yang diluluskan.
- Jangan gunakan aksesori pihak ketiga dengan IQOS ORIGINALS DUO™.

- . Hanya cas IQOS ORIGINALS DUO™ Pocket Charger dengan menggunakan Voltan Keselamatan Ekstra Rendah. Sila rujuk kepada bahagian Data Teknikal yang terdapat di dalam Panduan Pengguna ini untuk keterangan lanjut tentang voltan.
- . Jangan guna IQOS ORIGINALS DUO™ di kawasan di mana peranti elektronik tidak dibenarkan.
- . Hanya cas IQOS ORIGINALS DUO™ Pocket Charger dalam kawasan tertutup seperti simbol yang ditandakan .
- . Jangan guna IQOS ORIGINALS DUO™ atau mengecas IQOS ORIGINALS DUO™ Pocket Charger dan/atau aksesori IQOS ORIGINALS DUO™ jika ianya rosak, diusik, atau pecah.
- . Jangan guna IQOS ORIGINALS DUO™ jika baterinya kelihatan bocor.
- . Jangan guna, cas, atau simpan IQOS ORIGINALS DUO™ di kawasan bersuhu tinggi (seperti di dalam kereta pada musim panas, atau berhampiran punca haba seperti radiator atau pendiang (fireplace)).
- . Jangan guna IQOS ORIGINALS DUO™ di kawasan di mana bahan, cecair dan gas mudah terbakar disimpan.
- . Jangan rendam atau dekatkan IQOS ORIGINALS DUO™ atau aksesoriya dengan air dan/atau cecair lain.
- . Jangan sentuh IQOS ORIGINALS DUO™ dan/atau aksesoriya jika ia basah atau terendam di dalam apa-apa cecair.
- . Jangan membuang IQOS ORIGINALS DUO™ dan/atau aksesoriya bersama sisa rumah yang lain, kerana ia mungkin terkena air dan/atau cecair lain.

- . Jangan cuci peranti dengan sebarang agen pembersih.
- . Bersihkan port pengecasan USB pada Pocket Charger IQOS ORIGINALS DUO™ secara berkala untuk mengelakkan terkumpulnya bahan asing (seperti habuk), dan periksa bahan asing dalam port USB sebelum menggunakan penyambung USB.
- . Putuskan sambungan IQOS ORIGINALS DUO™ dan/atau aksesoriya daripada mana-mana punca kuasa jika ia terlalu panas, berasap, menyala, atau terbakar semasa mengecas.
- . Jangan usik IQOS ORIGINALS DUO™ dan/atau aksesoriya jika ia terlalu panas, berasap, menyala, atau terbakar.
- . Kendali dengan cermat. Jangan jatuhkan IQOS ORIGINALS DUO™ atau menghentaknya dengan kuat.
- . Jangan cuba membuka, servis, mengubah atau membaiki mana-mana komponen IQOS ORIGINALS DUO™, atau mengganti mana-mana komponen atau baterinya.
- . Hanya gunakan IQOS ORIGINALS DUO™ pada suhu ambien di antara 0° dan 40° C

Risiko Bateri

IQOS ORIGINALS DUO™ dikuasakan dengan bateri Litium-ion (Li-ion). Dalam keadaan penggunaan biasa, bateri ini termateri.

- . *Jika anda tertelan cecair yang bocor dari bateri, dapatkan rawatan perubatan dengan segera. Jangan paksa muntah atau menelan makanan atau minuman.*
- . *Jika wap cecair disedut, hirup udara segar dan dapatkan rawatan perubatan.*
- . *Jika cecair yang bocor dari bateri terkena kulit, basuh tangan dan jangan sentuh mata.*
- . *Sekiranya terkena mata, segera basuh dengan air yang mengalir selama sekurang-kurangnya 15 minit dan dapatakan rawatan perubatan.*

▲ HATI-HATI Risiko Pembakaran Thermal

Kegagalan mematuhi Peringatan dan Arahan Keselamatan ini boleh menyebabkan kebakaran haba:

- Simpan IQOS ORIGINALS DUO™ dan batang tembakau di tempat yang bersih, kering dan dingin.
- Jangan dedahkan IQOS ORIGINALS DUO™ dan batang tembakau pada kelembapan yang tinggi atau cahaya matahari yang langsung.
- Jangan gunakan batang tembakau yang sudah terdedah pada suhu atau kelembapan tinggi.
- Jangan keluarkan batang tembakau semasa ia sedang digunakan.
- Jangan sentuh bilah pemanas IQOS ORIGINALS DUO™.
- Jangan gunakan Holder IQOS ORIGINALS DUO™ tanpa penutup Holder.

▲ HATI-HATI Risiko Reaksi Alahan

- Menggunakan IQOS ORIGINALS DUO™ dan batang tembakau boleh menyebabkan alahan seperti bengkak di muka, bibir, lidah, gusi, tekak, atau tubuh, susah bernafas, atau sepuat.
- Berhenti menggunakan IQOS ORIGINALS DUO™ dan batang tembakau dan dapatkan rawatan perubatan serta merta jika anda mengalami mana-mana gejala di atas, kerana ini mungkin reaksi alahan yang serius.

PENGUNAAN EKSKLUSIF BATANG TEMBAKAU

- Hanya beli IQOS ORIGINALS DUO™ dan batang tembakau daripada kedai IQOS™ atau kedai dalam talian atau mana-mana penjual sah yang lain.
- Hanya gunakan IQOS ORIGINALS DUO™ dengan batang tembakau. Jangan gunakan IQOS ORIGINALS DUO™ dengan rokok atau produk sepertinya yang tidak diluluskan untuk penggunaan dengan IQOS ORIGINAL DUO™. Berbuat demikian boleh menyebabkan kecederaan.
- Jangan ubah batang tembakau dalam apa cara jua atau menambah apa-apa bahan pada batang tembakau. Melakukannya mungkin menyebabkan kecederaan.

Pelaporan peristiwa atau kejadian buruk

- Jika anda mengalami kesan pada kesihatan yang tidak diingini semasa menggunakan IQOS ORIGINALS DUO™, sila berjumpa dengan pakar kesihatan.
- Anda boleh melaporkan sebarang peristiwa atau kejadian buruk dengan terus menghubungi Khidmat Pelanggan tempatan anda (butiran boleh didapati dalam buku panduan Khidmat Pelanggan & Waranti). Dengan melaporkan kesan sampingan, anda boleh membantu memberikan lebih banyak maklumat mengenai keselamatan produk ini.
- Untuk maklumat lanjut, sila lawati www.iqos.com

DATA TEKNIKAL

Holder:

*IQOS 3 Model A1404/
IQOS ORIGINALS DUO™
Model A1406*

Jenis bateri:

Bateri Li-ion boleh dicas semula

Input: 5V  1.6A

Pocket Charger:

*IQOS 3 Model A1504/
IQOS ORIGINALS DUO™
Model A1505*

Jenis bateri:

Bateri Li-ion boleh dicas semula

Input: 5V  2A

Bluetooth® 4.1

IQOS ORIGINALS DUO™ Pocket Charger ditandakan dengan simbol  dan diikuti oleh "SxxAxx," yang menunjukkan bahawa IQOS ORIGINALS DUO™ Pocket Charger itu hanya boleh dicas.

Penyesuai Kuasa:

Model: S82A40, S82A41, S82A42, S82A43, S82A45, S82A46

Input: 100V-240V~ 50-60Hz 0.3A

Output: 5.0V  2.0A

Kuasa Output: 10.0W

Purata kecekapan aktif: 79.0%


Penggunaan kuasa tanpa beban: <0.09 W

Kabel USB Jenis C

MAKLUMAT UNTUK PEMBUANGAN IQOS ORIGINALS DUO™

Sah di seluruh Kesatuan Eropah dan EEA



Simbol ini pada peranti atau pembungkusannya menandakan bahawa produk ini dan bahagian-bahagiannya yang berasingan (termasuk bateri) tidak boleh dibuang bersama sisa rumah yang lain. Sebaliknya, anda bertanggungjawab untuk  membuang peralatan anda dengan menghantarkannya ke pusat kitar semula peralatan elektrik dan elektronik. Bateri lama boleh dikembalikan ke tempat jualan secara percuma.

Pengumpulan dan pengitaran semula peralatan anda (termasuk bateri) semasa dibuang dapat membantu memelihara sumber alam semula jadi dan memastikan ia dikitar semula dengan cara yang melindungi kesihatan manusia dan alam sekitar. Membuang peralatan bersama sisa perbandaran yang tidak diasingkan (cth: melalui pembakaran sisa atau tapak pelupusan) boleh mengakibatkan kesan negatif terhadap alam sekitar dan kesihatan manusia.

ARAHAN UNTUK MENGELUARKAN BATERI (PELUPUSAN DAN PENGITARAN SEMULA)

Bateri tidak seharusnya dikeluarkan oleh pengguna. Pada penghujung hayat produk, hanya pengitar semula yang sah sahaja boleh mengeluarkan bateri dengan selamat dengan menuruti langkah-langkah berikut.

IQOS ORIGINALS DUO™ Pocket Charger (A1505):

Langkah 1: Peranti harus dinyahcaskan sepenuhnya sebelum dibuka pemasangannya.

Tanggalkan penutup dan tanggalkan skru pada kedua-dua belah.

Langkah 2: Tanggalkan charger dari kelongsong.

Langkah 3: Buka untuk tanggalkan pemegang.

Langkah 4: Tanggalkan kesemua FPC dan penyambung untuk mengeluarkan pengecas PCB.

Langkah 5: Keluarkan bateri dan lupuskannya menurut peraturan tempatan.

IQOS ORIGINALS DUO™ Holder (A1406):

Langkah 1: Peranti harus dinyahcaskan sepenuhnya sebelum dibuka pemasangannya.

Tanggalkan penutup hadapan holder.

Langkah 2: Tanggalkan penutup belakang.

Langkah 3: Tanggalkan butang kuasa holder.

Langkah 4: Tanggalkan pelekat dan pateri untuk mengeluarkan bateri dari antara bahagian tengah dan kerangka. Bahagian tengah perlu dipotong kerana ianya telah dilekat.

Langkah 5: Keluarkan bateri dan lupuskannya menurut peraturan tempatan.

Pengesahan Pematuhan

Dengan ini, Philip Morris Products S.A. mengisytiharkan bahawa IQOS ORIGINALS DUO™ mematuhi keperluan dan peruntukkan Arahan 2014/63/EU. Pengisytiharan Pematuhan rasmi boleh didapati di: www.pmi.com/declarationofconformity

IQOS ORIGINALS DUO™ Model A1505 beroperasi dalam lingkungan frekuensi 2.402 - 2.480 GHz dengan kuasa output RF maksimum di bawah 10.0 dBm.

Direka dan dihasilkan dibawah kuasa Philip Morris Products S.A. Quai Jeanrenaud 3, 2000 Neuchâtel, Switzerland.



Perkataan dan logo Bluetooth® adalah tanda dagangan berdaftar milik Bluetooth SIG, Inc. dan sebarang penggunaan tanda dagangan oleh Philip Morris Products S.A. dan sekutunya adalah berlesen.